

MT Akan Bebaskan Isa Samad?

Oleh: **PENULIS POLITIK**

DESAS DESUS yang hangat di dengar kebela kangan ini ialah bersabit dengan nasib bekas Menteri Wilayah Persekutuan dan juga Naib Presiden UMNO yang mendapat undi tertinggi sebanyak 1,507 pada pemilihan parti pada 23 September, 2004, Tan Sri Mohd Isa Samad di katakan akan terlepas dari 'tali gantung' dalam masa terdekat ini.

Di fahamkan keputusan telah dibuat oleh Lembaga Disiplin Parti dan sepatutnya di umumkan kepada Mesyuarat Majlis Tertinggi yang bersidang pada 24 Jun, 2007 lalu. Tetapi disebabkan Presiden UMNO, Dato Seri Abdullah Ahmad Badawi, tidak dapat hadir untuk mempengerusikan mesyuarat tersebut, maka ia terpaksa ditangguhkan.

Keahlian Isa digantung pada 24 Jun, 2005, selama

6 tahun setelah didapati bersalah atas 9 tuduhan, iaitu 7 dakwaan membeli undi dan 2 dakwaan mengadakan perhimpunan menjelang pilihanraya. Dan hukuman itu dikurangkan kepada 3 tahun setelah Isa membuat rayuan, dan akan tamat tempohnya pada September 2007 depan.

Jika Isa 'dibebaskan' sebelum tamat tempohnya adalah disebabkan beliau tidak memberi masalah kepada parti selama di gantung keahliannya, sebaliknya beliau terus bekerja untuk Parti dan masih menaja di Ahli Parlimen bagi kawasan Jempol.

Adalah juga difahamkan UMNO tidak mahu menggantung Isa sehingga tamat tempohnya kerana UM

NO memerlukan perkhidmatannya untuk membantu UMNO menghadapi pilihanraya umum yang akan diadakan bila-bila masa.

Komen: *Tidak syak lagi Isa akan berasa lega dan seronok apabila terlepas dari 'tali gantung' dan diharapkan apa yang berlaku kepada Isa akan menjadi pengajaran kepada pemimpin-pemimpin yang berlumba-lumba dan ghairah hendak naik ke atas dengan cepat tanpa mengira siapa yang akan di pijak dan terpijak.*

< Tan Sri Mohd Isa Samad... akan terlepas dari 'tali gantung' dalam masa terdekat ini?

